



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN FRASA KERJA BAHASA
MELAYU DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT KBSM:
SATU KAJIAN KES**

SUPIAN BIN MOHAMAD NOOR

FPP 1994 12

**ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN
FRASA KERJA BAHASA MELAYU DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT KBSM:
SATU KAJIAN KES**

SUPIAN BIN MOHAMAD NOOR

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1994



**ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN
FRASA KERJA BAHASA MELAYU DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT KBSM:
SATU KAJIAN KES**

Oleh

SUPIAN MOHAMAD NOOR

**Tesis yang dikemukakan untuk Memenuhi
Sebahagian daripada Syarat bagi Mendapatkan Ijazah
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia**

Oktober 1994



PENGHARGAAN

Pengkaji bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya, pengkaji tidak lupa untuk merakamkan ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan), Encik Che Ibrahim bin Salleh, dan Encik Arbak bin Othman (selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan) kerana bermurah hati memberikan bimbingan, nasihat, dan pandangan yang sangat bernilai sehingga tesis ini dapat diselesaikan. Seterusnya, ucapan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan, dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Yu Hua (SMYH), Kajang, Selangor Darul Ehsan kerana memberikan kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan penyelidikan di kalangan pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Yu Hua.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 di SMYH atas kesudian mereka membantu pengkaji mengadakan ujian dan soal selidik terhadap pelajar.

Akhirnya, pengkaji merakamkan ucapan terima kasih kepada siapa-siapa sahaja yang telah memberikan kerjasama.

Wassallam.

Jabatan Bahasa Melayu,
Maktab Perguruan Ilmu Khas.

2 Oktober 1994



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI	x
SENARAI	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
Latar Belakang	1
Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dalam KBSM	2
Pernyataan Masalah	4
Faktor Dialek dan Bahasa Ibunda	5
Faktor Buku Teks	5
Faktor Ujian Objektif dan Kaedah Pengajaran	5
Faktor Media Massa	6
Faktor Tradisi Menggunakan Buku Teks	6
Objektif Kajian	7
Soalan-soalan Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
Batasan Kajian	10
Definisi Operasional	12
Frasa Kerja	12
Kesalahan dan Kesilapan	13
Analisis Kesalahan	13
Bahasa Melayu	13
Pelajar Tingkatan Empat KBSM	14
II SOROTAN LITERATUR	
Penguasaan Bahasa Melayu Baku sebagai Bahasa Kedua	15



Peranan Analisis Kesalahan dalam Pembelajaran	
Bahasa Kedua	17
Model-model Teoritis Analisis Kesalahan Bahasa	18
Teori Linguistik Deskriptif	18
Teori Linguistik Behaviurisme	19
Teori Transformasi Generatif	21
Punca Kesalahan Frasa Kerja	22
Kajian Kesalahan Frasa Kerja	24
Jenis-jenis Kesalahan Frasa Kerja	25
Kesalahan Frasa Kerja dan Hubungannya dengan	
Pembolehkan Jantina, Aliran, dan Sikap	28
Pembolehkan Jantina	28
Pembolehkan Aliran	29
Pembolehkan Sikap	30
Rumusan Sorotan Literatur	33

III METODOLOGI

Kerangka Teoritis	36
Rancangan Kajian	37
Penentuan Tempat dan Subjek Kajian	37
Subjek Kajian	38
Kaedah Kajian	38
Pembolehkan Bebas (IV)	38
Pembolehkan Bersandar	39
Alat Kajian	39
Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu	39
Soal Selidik	40
Jadual Taburan Frekuensi Kesalahan	41
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	41
Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu	41
Soal Selidik	41
Tatacara Kajian	42
Kajian Rintis	42
Ujian Penulisan Karangan	42
Pentadbiran Soal Selidik	43
Penganalisan Data	44
Penentuan Kesalahan	44

Penentuan Kesalahan Frasa Kerja Transitif	44
Penentuan Kesalahan Frasa Kerja Tak Transitif	47
Penentuan Kesalahan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Pertama atau Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Kedua	52
Penentuan Kesalahan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Ketiga	55
 IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
Keputusan	60
Perbincangan Dapatan	83
Kesalahan Frasa Kerja Transitif	83
Kesalahan Frasa Kerja Tak Transitif	86
Kesalahan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Pertama atau Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Kedua	89
Kesalahan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Ketiga	93
Sikap Terhadap Bahasa Melayu	95
 V RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan	97
Cadangan	100
Cadangan Mengatasi Kesalahan Frasa Kerja	100
Cadangan Kajian yang Selanjutnya	103
 BIBLIOGRAFI	 104
 LAMPIRAN	
A Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu 1	114
B Soal Selidik	117
C Jadual-jadual Tambahan	122
D Contoh Binaan Frasa Kerja Yang Salah di Kalangan Pelajar	148

E	Sikap Pelajar-pelajar Cina Terhadap Bahasa Melayu Baku	162
F	Keputusan Sijil Rendah Pelajaran 1991 dan Peperiksaan Menengah Rendah 1992, SMYH	176
G	Surat Akuan Pemeriksa Kedua	179
H	Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan	181
I	Surat Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan	184
	LATAR DIRI	186



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Pelaksanaan Mata Pelajaran KBSM	3
2	Ringkasan Jumlah Jenis-jenis Kesalahan Frasa Kerja Secara Keseluruhan dalam Karangan	61
3	Ringkasan Kekerapan Kesalahan Frasa Kerja Antara Kumpulan Subjek Lelaki dengan Kumpulan Subjek Perempuan	64
4	Kekerapan Kesalahan Frasa Kerja Antara Kumpulan Subjek Lelaki dengan Kumpulan Subjek Perempuan Berdasarkan Ujian T	66
5	Ringkasan Kekerapan Kesalahan Frasa Kerja Antara Kumpulan Subjek Aliran Sains Tulen dengan Kumpulan Subjek Aliran Sains Kemasyarakatan	68
6	Kekerapan Kesalahan Frasa Kerja Antara Kumpulan Subjek Aliran Sains Tulen dengan Kumpulan Subjek Sains Kemasyarakatan Berdasarkan Ujian T	70
7	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 1	71
8	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 2	73
9	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 3	74
10	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 4*	75
11	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 5*	76
12	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 6	77
13	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 7*	78
14	Ringkasan Jumlah Kekerapan Skor Bagi Item 8*	79

15	Ringkasan Jumlah Keperapan Skor Bagi Item 9*	81
16	Ringkasan Jumlah Keperapan Skor Bagi Item 10*	82
17	Keperapan Kesalahan Frasa Kerja bagi Setiap Subjek Aliran Sains Tulen Dalam Penulisan Karangan	123
18	Keperapan Kesalahan Frasa Kerja Bagi Setiap Subjek Aliran Sains Kemasyarakatan Dalam Penulisan Karangan	128
19	Keperapan Kesalahan Frasa Kerja bagi Setiap Subjek Lelaki Dalam Penulisan Karangan	136
20	Keperapan Kesalahan Frasa Kerja bagi Setiap Subjek Perempuan Dalam Penulisan Karangan	142

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Teoritis Kajian (diubahsuaikan daripada Model Penjelasan Ramalan oleh Prajapati Sah, 1981)	36
2	Rancangan Kajian	37

SENARAI SINGKATAN

B1	-	Bahasa Pertama
B2	-	Bahasa Kedua
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
FKTr	-	Frasa Kerja Transitif
FKTTr	-	Frasa Kerja Tak Transitif
FKP1D2	-	Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Pertama atau Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Kedua
FKPD3	-	Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Ketiga
M1	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Kerja Transitif
M2	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Kerja Tak Transitif
M3	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Pertama atau Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Kedua
M4	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Ketiga
PMR	-	Peperiksaan Menengah Rendah
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SMYH	-	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Yu Hua



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah
Master Sains

**ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN FRASA KERJA
BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN EMPAT KBSM :
SATU KAJIAN KES.**

Oleh

SUPIAN MOHAMAD NOOR

OKTOBER 1994

Pengerusi: Prof. Abdul Hamid Mahmood, Ph.D

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat tentang analisis kesalahan frasa kerja bahasa Melayu baku di kalangan pelajar Cina di Sekolah Menengah Yu Hua, Kajang.

Subjek kajian ini semuanya berbangsa Cina dan berjumlah 249 orang. Mereka merupakan pelajar tingkatan empat di sekolah yang berkenaan pada tahun 1993. Dalam proses pembelajaran secara formal, pengkaji melakukan analisis kesalahan frasa kerja terhadap karangan para pelajar telah dilaksanakan. Dalam proses pembelajaran secara tidak formal, tinjauan berdasarkan soal selidik telah dijalankan.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar melakukan kesalahan Frasa Kerja Transitif (FKTr), Frasa Kerja Tak Transitif (FKTTr), Frasa Kerja Pasif Pelaku Diri Pertama atau Kedua (FKP1D2), dan Frasa Kerja



Pasif Pelaku Diri Ketiga (FKPD3). Kumpulan subjek lelaki didapati melakukan kesalahan frasa kerja yang lebih besar jumlahnya daripada kumpulan subjek perempuan. Selain itu, kumpulan subjek aliran sains kemasyarakatan pula melakukan kesalahan frasa kerja yang lebih besar jumlahnya daripada kumpulan subjek sains tulen. Seterusnya, dapatan membuktikan bahawa kesalahan frasa kerja transitif merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh para pelajar yang menjadi subjek dalam kajian ini. Ini diikuti oleh kesalahan frasa kerja pasif diri ketiga, kesalahan frasa kerja pasif pelaku diri pertama atau pelaku diri kedua, dan kesalahan yang paling sedikit jumlahnya ialah kesalahan frasa kerja tak transitif. Sementara itu, dapatan daripada proses pembelajaran secara tidak formal berdasarkan soal selidik menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai sikap yang berbeza-beza terhadap bahasa Melayu baku.

Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah mendedahkan rumus-rumus frasa kerja secara terancang dalam sistem pengajaran pembelajaran. Guru-guru juga mestilah mempraktikkan hukum tatabahasa yang baku dalam pengajarannya. Selain itu, penyeragaman tentang hukum tatabahasa perlulah dilaksanakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Seterusnya, pelajar-pelajar digalakkan memanfaatkan buku teks yang digunakan dalam sistem pendidikan bahasa Melayu di peringkat tingkatan empat.

Melalui kajian ini, diharapkan agar cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat mengurangkan kelemahan penguasaan frasa kerja para pelajar dalam penulisan mereka. Cadangan-cadangan itu sedikit banyaknya dapat menjadi panduan kepada guru untuk menyampaikan pengajarannya dalam aspek frasa kerja.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**ERROR ANALYSIS OF THE VERB PHRASE
IN THE MALAY LANGUAGE AMONG FORM FOUR KBSM
STUDENTS: A CASE STUDY**

By

SUPIAN MOHAMAD NOOR

OCTOBER 1994

Chairman: Prof. Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Faculty : Faculty of Educational Studies

The aim of this study is to look into the error analysis of the verb phrase in the Malay Language among chinese students in Yu Hua Secondary School, Kajang.

The subjects of this study comprised of 249 Form Four Chinese Students in the school in 1993. The research was carried out by analysing the verb phrase errors in written compositions during formal class teaching. Questionnaires were also administered to the students.

The findings of this study showed that students committed the following errors: transitive verbs phrase (FKTr), intransitive verbs phrase (FKTTr), passive verbs phrase for the first and second person (FKP1D2), and passive verbs phrase for the third person (FKPD3). The male subjects committed more errors in verb phrases than the female respondents. The subjects from the social science class committed more errors as opposed to those in the pure



science subjects. The research explained that most errors were committed in the area of transitive verbs phrase. The findings also showed that the students' attitude towards Bahasa Melayu baku differed greatly.

Among the suggestions given is to infuse the verb phrases systematically in the teaching and learning process. Teachers should practise the grammatical rules in their teaching. The standardization of the grammatical rules should also be implemented by the Curriculum Development Centre. Furthermore the Form Four students are encouraged to use the textbooks recommended in the language education system.

It is hoped that the recommendations put forward could reduce the number of errors in relation to verb phrases. It is also hoped that the recommendation could be a source of reference for teachers in the topic of study.

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Perkara 152, para 1, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (sekarang Malaysia) menyatakan bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan ditulis dalam bentuk tulisan yang ditentukan oleh parlimen (Nuwairi Hj. Khazaai, 1991:1). Sebagai bahasa kebangsaan negara baru dan berdaulat, bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, dan bahasa perhubungan umum. Selain itu, secara peringkat demi peringkat, bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa pengantar di sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi sejak tahun 1957 (Awang Sariyan, 1984:1).

Sebagai bahasa pengantar persekolahan dan pengajian, bahasa Melayu amat tinggi martabatnya sebagai bahasa ilmu dan bahasa perhubungan baik secara lisan mahupun secara bertulis. Justeru, bahasa Melayu mestilah dikuasai oleh para pelajar. Perihal pentingnya penguasaan bahasa di kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah turut dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (1987) dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), iaitu bahawa pendidikan Bahasa Malaysia Sekolah Menengah akan terus meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis dengan memupuk kepekaan terhadap variasi bahasa dalam pelbagai situasi dan disiplin.



Penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah sepatutnya tidak lagi menjadi masalah. Ini disebabkan sejak tahun 1983 hingga 1991, penggunaan bahasa Melayu baku dalam pendidikan baik di peringkat sekolah rendah, menengah, maktab, ataupun universiti dapat dilaksanakan dengan baik. Bahasa Melayu sudah berfungsi sebagai bahasa pengantar ilmu serta dapat mengungkapkan dan menghuraikan konsep ilmu yang akstrak dengan jelas. Bahasa Melayu sudah mampu berfungsi sebagai bahasa akademik, dan lengkap dengan laras-laras bahasa, perbendaharaan kata, dan istilah untuk memperkatakan pelbagai hal baru dalam bidang ilmu yang lain (Abdul Hamid Mahmood, 1993:75).

Selain itu, pelajar perlu menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi dalam sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kurikulum yang sama terdapat juga dalam sistem pendidikan di sekolah menengah jenis kebangsaan Cina.

Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dalam KBSM

Sejak pelaksanaan KBSM mulai tahun 1988 di sekolah menengah, Bahasa Melayu diajarkan sebagai mata pelajaran wajib dan telah dijadikan bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan dan pengajian termasuklah sekolah menengah jenis kebangsaan Cina, sila lihat Jadual 1.

Jadual 1

Pelaksanaan Mata Pelajaran KBSM

Mata Pelajaran	1988	1989	1990	1991	1992	1993
Mata pelajaran teras						
1. Bahasa Malaysia	I	II	III	IV	V	-
2. Bahasa Inggeris	I	II	III	IV	V	-
3. Metamatik	-	I	II	III	IV	V
4. Pendidikan Islam/Moral	-	I	II	III	I	V
5. Geografi	-	I	II	III	-	-
6. Sejarah	-	I	II	III	IV	V
7. Sains	-	I	II	III	IV	V
8. Kemahiran Hidup	-	I	II	III	-	-
9. Pendidikan Seni	-	I	II	III	-	-
10. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	-	I	II	III	IV	V
Mata pelajaran tambahan/elektif						
1. Bahasa Cina	I	II	III	IV	V	-
2. Bahasa Tamil	I	II	III	IV	V	-
3. Kesusasteraan Melayu	-	-	-	IV	V	-
4. English Literature	-	-	-	IV	V	-
5. Mata pelajaran elektif yang lain	-	-	-	-	IV	V
Kelas Peralihan						
1. Bahasa Malaysia	}	Dilaksanakan mulai 1988				
2. Bahasa Inggeris	}					
3. Bahasa Cina	}					
4. Bahasa Tamil	}					
1. Amalan Bahasa Malaysia	}	Dilaksanakan mulai 1989				
2. Pendidikan Jasmani	}					
3. Pendidikan Seni	}					

Penekanan terhadap penguasaan dan penggunaan bahasa Malaysia yang lebih bermutu dilaksanakan sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Selain itu, pendidikan Bahasa Melayu di sekolah menengah jenis kebangsaan Cina bertujuan meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis di kalangan pelajar serta memupuk sistem bahasa, dan gaya bahasa yang indah. Kesedaran terhadap unsur dan nilai kemanusiaan yang menyeluruh turut dipupuk. Selain itu, menerusi tumpuan kepada penguasaan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi, pelajar-pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap, kritis, dan analitis dalam pembacaan serta kreatif dalam menghasilkan penulisan dapat dilahirkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987:2-4).

Kesimpulannya, kurikulum bahasa Melayu di peringkat KBSM baik di sekolah menengah kebangsaan mahupun di sekolah menengah jenis kebangsaan tampaknya mempunyai ciri-ciri yang sama.

Justeru, kemampuan pelajar yang dilahirkan di sekolah jenis kebangsaan Cina sepatutnya sama dengan kemampuan pelajar di sekolah kebangsaan yang lain.

Pernyataan Masalah

Didapati bahawa terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan penguasaan bahasa Melayu yang lemah di kalangan pelajar di sekolah menengah.

Faktor Dialek dan Bahasa Ibunda

Menurut Mat Daud Yusof (1989), pelajar-pelajar yang kuat dipengaruhi oleh dialek daerah melakukan kadar kekerapan kesalahan yang lebih tinggi daripada pelajar yang tidak begitu kuat dipengaruhi oleh dialek. Sementara itu, menurut Nor Ainah Dani (1993) pula, pelajar-pelajar yang kurang terdedah kepada bahasa kedua banyak melakukan kesalahan dalam bahasa kedua kerana terpengaruh oleh bahasa ibunda. Sebagai kesan daripada pengaruh faktor dialek dan bahasa ibunda itu, pelajar telah melakukan kesalahan penggunaan bahasa bukan saja dalam aspek pertuturan malah juga dalam aspek penulisan.

Faktor Buku Teks

Kelemahan penguasaan bahasa ada kaitannya dengan buku teks. Hal ini demikian kerana Biro Buku Teks yang bertanggungjawab meluluskan penerbitan buku-buku teks untuk kegunaan di sekolah masih kekurangan ahli-ahli bahasa yang berkelayakan. Sebagai akibatnya, terdapat beberapa naskhah buku teks yang diluluskan mempunyai mutu bahasa yang belum cukup baik. Pelajar terpengaruh oleh gaya bahasa Melayu dalam teks-teks tersebut (Mohin Ibrahim, 1987:49).

Faktor Ujian Objektif dan Kaedah Pengajaran

Penguasaan bahasa Melayu yang lemah turut berpunca daripada ujian objektif yang banyak diberikan kepada para pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke tingkatan 3. Ujian-ujian objektif ini lebih sesuai untuk mata pelajaran yang memerlukan penguasaan fakta dan bukannya kemahiran berbahasa. Selain itu, beliau turut menerangkan bahawa guru-guru masih mencuba-cuba dan mencari-cari kaedah pengajaran bahasa Melayu yang sesuai

untuk digunakan bagi mengajarkan bahasa Melayu kepada para pelajar di negara ini. Kaedah pengajaran bahasa yang diberikan di maktab-maktab dan di fakulti-fakulti atau di jabatan-jabatan pendidikan bahasa adalah hampir seratus peratus berdasar pada kaedah pengajaran bahasa Inggeris (Awang Had Salleh, 1985:56-60).

Faktor Media Massa

Masalah bahasa Melayu di kalangan pelajar juga berpunca daripada pengaruh media massa. Dalam hal ini, Abdul Hamid Mahmood (1983), telah turut menyatakan bahawa kajian yang dilakukan terhadap media cetak, iaitu akhbar-akhbar harian dan mingguan, terdapat mutu penggunaan bahasa yang agak rendah dilihat dari segi ejaan, peristilahan, dan susunan ayat.

Faktor Tradisi Menggunakan Buku Teks

Seterusnya, penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar agak rendah kerana wujudnya tradisi menggunakan buku teks. Banyak guru yang meneruskan tradisi menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran tatabahasa sama seperti pengajaran bacaan. Pengajaran tatabahasa seperti ini amat tidak berkesan (Mohin Ibrahim, 1987:48-54).

Kelemahan penguasaan bahasa Melayu baku di kalangan pelajar sekolah menengah sering dipaparkan dalam akhbar. Kelemahan seperti ini bukan saja berlaku di kalangan pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, malah juga berlaku di kalangan pelajar Melayu yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa pertamanya. Banyak lagi hujah dan pendapat yang dikemukakan tentang kelemahan penguasaan bahasa Melayu baku. Keadaan ini

ditegaskan dalam kajian-kajian yang dijalankan oleh Ridzuan Ahmad (1981), Raminah Haji Sabran (1983), Kamaruddin Haji Hussin (1986), Omar Hisham (1987), Marshudi dan Darwis Harahap (1987), Noor Azman (1988), dan Awang Sariyan (1989).

Di sini, dapatlah disimpulkan bahawa kelemahan penguasaan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah antara lainnya berpunca daripada:

- a. Pengaruh bahasa ibunda,
- b. Terpengaruh oleh dialek daerah,
- c. Mutu buku teks,
- d. Ujian tatabahasa yang tidak sesuai dengan kemahiran berbahasa,
- e. Ketiadaan kaedah pengajaran bahasa Melayu yang sesuai,
- f. Pengaruh media massa, dan
- g. Tradisi membaca pelajaran tatabahasa dalam buku teks.

Akhirnya, oleh sebab pelajar didapati tidak cekap berbahasa dalam penulisan mereka, kajian secara mendalam tentang kelemahan penguasaan bahasa ini adalah perlu untuk membantu memupuk penggunaan bahasa Melayu yang baku dalam penulisan pelajar.

Objektif Kajian

Kajian yang diadakan ini mempunyai objektif-objektif seperti yang berikut:

- (a) Untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan frasa kerja tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan di kalangan pelajar Cina di tingkatan empat KBSM.

- (b) Untuk mengenal pasti jenis-jenis kesilapan frasa kerja yang paling kerap dilakukan oleh pelajar Cina di tingkatan empat KBSM.
- (c) Untuk mengkaji sama ada benar atau tidak bahawa wujudnya kesalahan penggunaan frasa kerja tatabahasa bahasa Melayu baku yang berlainan yang dilakukan oleh pelajar Cina dalam penulisan mereka itu ada kaitannya dengan faktor jantina.
- (d) Untuk mengkaji sama ada benar atau tidak bahawa wujudnya kesalahan penggunaan frasa kerja tatabahasa bahasa Melayu baku yang berlainan yang dilakukan oleh pelajar Cina dalam penulisan mereka itu ada kaitannya dengan faktor aliran.
- (e) Untuk mengkaji sikap pelajar Cina terhadap bahasa Melayu baku.

Soalan-soalan Kajian

Kajian ini mencuba menjawab soalan-soalan berdasarkan tujuan kajian yang telah dinyatakan. Oleh itu, soalan-soalan yang berikut dikemukakan:

- (a) Apakah jenis-jenis kesalahan frasa kerja yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina di peringkat tingkatan empat KBSM dalam penulisan mereka?
- (b) Apakah jenis-jenis kesalahan frasa kerja yang paling kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina di tingkatan empat KBSM?

- (c) Adakah faktor jantina mempunyai kaitan dengan wujudnya kesalahan penggunaan frasa kerja yang berlainan di kalangan pelajar Cina dalam penulisan mereka pada paras signifikan $P < .05$?
- (d) Adakah faktor aliran mempunyai kaitan dengan wujudnya kesalahan penggunaan frasa kerja yang berlainan di kalangan pelajar Cina dalam penulisan mereka pada paras signifikan $P < .05$?
- (e) Bagaimanakah sikap pelajar Cina terhadap penggunaan bahasa Melayu baku?

Kepentingan Kajian

Di peringkat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, tatabahasa menjadi suatu komponen penting dalam pengajaran bahasa. Dalam buku Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan IV (Kementerian Pendidikan, 1989: 14) ada dicatat bahawa tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang untuk ketepatan berbahasa.

Oleh sebab itulah, kajian ini penting kepada guru-guru untuk merancang bentuk pengajaran tatabahasa yang terancang agar kelemahan-kelemahan yang dialami oleh pelajar dapatlah dikurangkan.

Hasil kajian ini akan dapat dijadikan panduan oleh penggubal dasar di Kementerian Pendidikan. Mereka akan sedar bahawa aspek pengajaran tatabahasa perlulah diberikan perhatian yang khusus.